

12 DEC 1997

Sarawak-Cuti

MAHATHIR DAN ANWAR DIJEMPUT BERCUTI KE SARAWAK

KUCHING, 12 Dis (Bernama) -- Selaras dengan usaha kerajaan menggalakkan pelancongan dalam negeri, Kerajaan Sarawak telah mengundang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bercuti di negeri itu.

Menteri Pelancongan Negeri Dr James Jemut Masing hari ini berkata surat jemputan tersebut telah dikirim kepada kedua-dua pemimpin itu tiga hari lepas.

"Surat jemputan serupa akan dikirim kepada menteri-menteri kabinet lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Akta Perindustrian Pelancongan di sini.

Masing berkata menteri-menteri yang berminat akan diberikan pakej menarik antaranya pakej tiga hari dua malam meliputi tiket penerbangan serta penginapan hotel lima bintang dengan harga RM333.

Beliau memberi jaminan sekiranya ada menteri berminat mereka akan bercuti di Sarawak bebas dari sebarang gangguan seperti gangguan media.

Masing yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penempatan Semula dan Sosio Ekonomi Bakun berkata, tarikh pemindahan penduduk di daerah Belaga yang terlibat dengan projek hidroelektrik di situ, akan dikaji semula.

Beliau berkata kajian semula dijalankan memandangkan penangguhan pembinaan projek empangan Bakun telah menyebabkan kawasan kediaman mereka tidak ditenggelami air pada Januari ini.

Sebanyak 9,428 penduduk Belaga akan dipindahkan secara berperingkat-peringkat, dengan pemindahan pertama dijadual Januari 1998 selepas ditangguh pada bulan ini kerana masalah infrastruktur.

Masing yang juga Pengerusi Tabung Amanah Bakun berkata, tuntutan sebanyak RM5 juta dari pemaju empangan terdahulu, Bakun Hydroelectric Corporation (BHC), ditangguhkan berikutan krisis ekonomi negara.

Menurutnya walaupun Ekran Berhad menarik daripada projek Bakun namun BHC masih lagi wujud dengan pegangan ekuiti sebanyak 32 peratus. -- BERNAMA

RDY MAI